





Sesi Perkongsian Ilmu

- Sesi Ulasan Buku Siri 2

Seksyen Pembangunan Sumber



BUKU PERTAMA

TAJUK : Jatuhnya Sebuah TAMADUN

PENGARANG : Mohamad Nurhakim


TERBITAN : PTS Publications & Distributors

JUMLAH MUKA SURAT : 227

HARGA : RM 23.00

KETERANGAN RINGKAS :

Menerangkan sejarah kebangkitan peradaban Islam bermula dari zaman Nabi Muhammad sebagai pengasas sehingga kejatuhan Empayar Turki Uthmaniah sebagai khalifah terakhir umat Islam. Lengkap dengan senarai empayar Islam yang mencipta peradaban, sumbangan kepada dunia serta punca kejatuhannya. Disusun mengikut kronologi sejarah, lengkap dengan peta, gambar serta maklumat tambahan yang menyokong pemahaman pembaca.



5 PENGAJARAN PENTING

1. Buang sifat tamak dalam mengejar nikmat dunia
2. Sentiasa berpegang kepada Al-Quran dan Sunnah dalam kehidupan seperti dalam firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah An Nisaa'. Ayat 059.
3. Berhati dengan fitnah yang mahu merosakkan perpaduan umat Islam
4. Jangan terlalu melihat pemerintahan yang zalim tetapi juga lihat rakyat yang zalim
5. Pembinaan sebuah negara tidak terletak kepada bahu pemimpin sahaja tetapi rakyat juga harus bersatu dalam mempertahankan kedaulatan negara mereka



KESIMPULAN

Keistimewan buku ini adalah tentang himpunan sejarah pemerintahan khalifah Islam yang bermula dari Rasulullah Sallallahu alaihi wasallam sehingga ke zaman pemerintahan Islam yang terakhir di Turki. Buku seperti ini jarang sekali ditulis dan cara kupasan oleh penulis sangat mudah difahami. Kisah di dalam Buku ini seharusnya dijadikan pengajaran oleh semua umat Islam kerana kita dapat lihat tiada kesejahteraan yang diperolehi hanya kerana menjatuhkan pemimpin Islam kerana hal duniawi lebih lagi kejatuhan itu atas desakan pemimpin-pemimpin kafir



BUKU KE-2

TAJUK : Kuasa Kepimpinan Al-Fateh

PENGARANG : Muhammad Syaari Abdul Rahman


TERBITAN : PTS MILLENNIA SDN. BHD.

JUMLAH MUKA SURAT : 192

HARGA : RM 19.00


KETERANGAN RINGKAS :

"Apa yang menarik perihal buku ini adalah penulis bukan sekadar mengemukakan fakta-fakta sejarah perihal Sultan Muhammad yang jarang diketahui umum. Lebih daripada itu, penulis berjaya menganalisa dan mengeluarkan pengajaran praktikal bagi diamalkan pembaca. Pembaca merasakan mereka mampu menjadi seperti Sultan Muhammad al-Fateh, manusia biasa yang bekerja dan berfikir secara luar biasa.



5 PENGAJARAN PENTING

1. Segala apa yang dilakukan mestilah dengan niat untuk mencari keredhan Allah
2. Bangunakan kekuatan rohani adalah lebih penting.
3. Perlu merancang strategi yang betul dalam mencapai kejayaan
4. Pemimpin perlu menjadikan diri mereka contoh kepada orang dipimpin
5. Konsep pemimpin melahirkan pemimpin



KESIMPULAN

Buku sangat sesuai dibaca oleh semua lapisan masyarakat, kerana menterjah susuk ikon dalam dunis sejarah orang. Ikon ini bukan sahaja dipuji oleh rakyat Turki tetapi juga dipuji oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan Rasululullah Sallallahu alaihi wasallam. Kisah Sultan Muhammad Al-Fateh bukan sahaja sekadar cerita penaklumkan Kota Konstantinopel sahaja tetapi juga contoh dan cara, bagaimana untuk membina sebuah negara yang sejahtera.





jazakallah
khairan

